

UCAPAN PERDANA MENTERI, DI PEMBUKAAN RASMI BANGUNAN MIC, KUALA LUMPUR PADA 24HB OGOS, 1973

Y.B. Tan Sri Manikavasagam, Presiden MIC; Dif-dif terhormat,
Tuan-tuan dan Puan-puan,

Hari ini amatlah besar maknanya kepada kita sekalian, khasnya kepada rakan-rakan kita dalam MIC yang telah melangsungkan Persidangan Tahunannya pagi tadi di bawah pimpinan Presidennya yang baru.

Saya amat sukacita dapat bersama-sama pada majlis petang ini dan mengucapkan berbilang terimakasih kepada pucuk pimpinan MIC kerana memberi saya penghormatan merasmikan Bangunan MIC ini.

Sesungguhnya MIC ialah parti politik yang kedua ditubuhkan di negara ini iaitu dalam bulan Ogos 1946, hanya tiga bulan setelah UMNO dilancarkan. Selama dua puluh tujuh tahun ini, MIC telah bergerak aktif secara sendirian, membela kepentingan rakyat dari keturunan India khasnya mereka yang menjadi mangsa Death Railway semasa pendudukan Jepun dan juga buruh ladang yang kebanyakannya melarat oleh kerana ladang-ladang getah belum dipulihkan.

Berkat adanya pimpinan MIC yang progresif dan berpandangan jauh, parti ini bersama-sama dengan UMNO dan MCA berjaya melahirkan Perikatan untuk memperjuangkan kemerdekaan negara. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tun V. T. Sambanthan¹ yang telah bersama-sama memandu bahtera Perikatan sejak dari kemenangan pilihanraya pertama pada tahun 1955 membawa kepada tarikh kemerdekaan hingga beliau menyerahkan tugas kepada pimpinan baru dua bulan yang lalu. Sejarah akan mencatatkan perkhidmatan dan pengorbanan beliau itu untuk diabdikan kepada jenerasi akan datang.

I wish to take this opportunity to record our highest appreciation to Tun Sambanthan who together with the UMNO and MCA leaders led the party through the first Alliance victory in 1955, towards the achievement of independence two years later until he

¹ Y.B. Menteri Perpaduan Negara.

stepped down from office two months ago. His dedicated service and selfless sacrifice to the country will have a fitting place in the history of the Nation.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Berbalik kepada Bangunan MIC yang indah tersergam ini, tidak dapat dinafikan bahawa bangunan ini merupakan batu tanda yang penting dalam sejarah pergerakan dan kemajuan MIC. Sebagai orang UMNO, saya merasa iri hati—cannot help being envious at least until the new UMNO Complex is ready, only a few yards away from here. Of course, we have a better site and we make it quite certain that it will not be affected by flood from the nearby river.

Bagaimanapun, adalah satu kenyataan bahawa bangunan sembilan tingkat yang berharga \$2.4 juta ini merupakan lambang keyakinan ahli-ahli MIC kepada pucuk pimpinannya dan juga kepada pimpinan Perikatan. Saya diberitahu perbelanjaan bangunan asal sudahpun dilunaskan dan bayaran untuk bangunan tambahan hampir-hampir selesai. Setidak-tidaknya ini membuktikan bahawa ramai orang-orang yang berada di kalangan MIC di samping rasa taat setia ahli-ahli rank-and-file menyumbang kepada Tabung Bangunan MIC ini.

Sukalah saya menyatakan tahniah dan pujian kepada Tan Sri Manikavasagam² selaku Chairman Building Fund Committee dan lain-lain yang telah mencurahkan usaha dan tenaga untuk mencapai kejayaan yang susah ditandingi ini. Memandang dari segi kos perbelanjaan bangunan yang semakin meningkat, sudah tentulah nilai investment \$2.4 juta ini meningkat juga menjadi MIC parti yang berada antara parti-parti lain.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Tidak lama lagi iaitu seminggu dari sekarang, kita akan menyambut Hari Kemerdekaan yang ke enam belas. Perayaan kali ini mempunyai makna yang lebih istimewa lagi oleh kerana tahun ini juga genap sepuluh tahun pembentukan Malaysia, yang menggabungkan rakyat dari berbagai asal keturunan, kaum dan suku dari Perlis hingga ke Sabah.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan rakyat sekalian, khasnya kepada ahli-ahli MIC di sini, betapa pentingnya

² Y.B. Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat.

menjaga perpaduan dan harmoni pada setiap masa. Seperti yang seringkali saya katakan, perpaduan rakyat atau national unity adalah kunci kepada kejayaan kita sebagai satu bangsa dan satu negara. Inilah sebabnya Kerajaan mengambil tindakan tegas melaksanakan Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan menghapuskan jurang perbezaan ekonomi antara masyarakat bandar dan luar bandar dengan menguburkan pembahagian kerja menurut kaum—identification of race with vocation.

Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan mempesatkan bidang industri nyata ditujukan ke arah usaha ini. Dengan bertambahnya peluang-peluang pekerjaan di firma-firma dan kilang-kilang baru, belia keturunan India yang selama ini terkongkong di bawah suasana kehidupan di ladang, akan dapat meninggalkan cara kehidupan lama itu dan memasuki lapangan hidup yang baru. Inilah cara kita menyusun semula masyarakat tanpa mengira kaum supaya pada suatu masa kelak terdapat keadaan di mana-mana juga—baik di bidang pertanian, industri dan perdagangan—yang mencerminkan pembahagian penduduk kita yang berbilang bangsa.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Hari depan masyarakat keturunan India sebagaimana juga yang lain-lain di negara ini adalah sama cerah menuju zaman yang gemilang. Bagi mereka yang hidup bergantung kepada pekerjaan di ladang-ladang, adalah jelas bahawa keadaan hidup mereka jauh lebih baik dari sepuluh hingga limabelas tahun yang lalu. Tidak berapa lama dahulu, Kerajaan telah mendapatkan kerjasama dari pihak pengurusan ladang supaya menambah lagi kemudahan untuk pekerja-pekerja mereka dan di mana-mana yang boleh disediakan tanah untuk tapak perumahan yang kekal. Saya tahu ramai ahli-ahli MIC yang bergabung dalam Land Finance Society yang telah pun berjaya memiliki ladang-ladang sendiri di mana mereka boleh bekerja sambil merasa hak milik sekali.

Begitu juga di bidang-bidang lain seperti pelajaran rakyat keturunan India tidak harus merasa ketinggalan kerana peluang saksama sentiasa terbuka kepada mereka yang berkebolehan dan yang patut mendapatnya. In other words, there is no reason why some members of the Indian community should feel neglected or being left behind in our march towards progress. As I have said earlier, the Government's efforts to restructure society as underlined in the New Economic Policy will bring about

a real change in the employment pattern and in the population distribution, and bring an end to the colonial heritage where each race and community was identified with its vocation and livelihood. Once this comes about, we will then have a truly integrated Malaysian society.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Seperti yang saya katakan pada awal tadi, MIC telah memberikan sumbangan yang bermakna dalam penyertaannya semasa kita menuntut kemerdekaan dulu dan terus memberikan kekuatan kepada tenaga Perikatan. Peralihan pucuk pimpinan dari Tun Sambanthan kepada Presiden sekarang yang keenam—Tan Sri Manikavasagam—adalah satu proses yang lazim dalam mana-mana parti. Saya mengulangi lagi seruan kepada ahli-ahli MIC khususnya supaya memberikan sokongan dan kepercayaan mereka kepada pimpinan yang baru supaya kekuatan MIC dapat dikekalkan.

Sebagai rakan dalam Perikatan, adalah menjadi keinginan saya dan pimpinan UMNO supaya kedua MIC dan MCA menjaga perpaduannya dan menjadi tumpuan sokongan rakyat keturunan Cina dan India. It is important that both MCA and MIC as our partners in the Alliance to continue maintaining their unity and strength so that the Alliance as a whole will continue to give positive leadership to our people as we done for the past twenty years.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Sekali lagi saya mengucapkan terimakasih atas jemputan kepada majlis yang gemilang ini dan dengan sukacitanya saya merasmikan Bangunan MIC ini.



Tun Abdul Razak bin Hussein sedang diberi sambutan selamat datang dengan cara tradisi India semasa merasmikan pembukaan bangunan Malaysian Indian Congress di Kuala Lumpur pada 24hb Ogos, 1973.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)